

LHDNM Announcement (100415)

PENAFIAN LHDNM REFUND KENA GST

Dimaklumkan bahawa Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) telah mengesahkan beberapa maklumat salah yang disebarluaskan di media sosial mengenai amaun cukai terlebih bayar yang dipulangkan semula (bayaran balik cukai) kepada pembayar cukai telah dikenakan cukai barang & perkhidmatan (GST).

Adalah ditegaskan bahawa pemprosesan bayaran balik cukai **tidak** dikenakan GST mahu pun apa-apa caj oleh LHDNM. Justeru, LHDNM menasihatkan pihak-pihak berkenaan agar membuat pembetulan dan tidak sesekali menyebarkan fitnah berkenaan. LHDNM tidak teragak-agak untuk menggunakan peruntukan Undang-Undang Malaysia yang ada bagi memastikan hanya maklumat yang tepat dan benar sahaja dikongsikan.

Sekian, terima kasih.